



**BADAN DAKWAH DAN ROHANI
SAMT TENGKU AMPUAN RAHIMAH**

TATACARA PENGENDALIAN PIAWAI (SOP)

(LAJNAH USRAH DAN TARBIAH)

BADAR SAMTTAR

ISI KANDUNGAN

OBJEKTIF SUMUR, BADAR, USRAH PENGENALAN USRAH

- Modul Usrah
- Definisi Usrah
- Tujuan Usrah
- Rukun-rukun Usrah
- Nuqoba
- Laporan Bulanan

PENGENALAN TARBIAH

- Isu Bulanan

SKOP TUGAS

- Tugas Ketua
- Tugas Penolong
- Tugas bersama

GERAK KERJA USRAH

□ Usrah

□ Laporan Usrah

GERAK KERJA TARBIAH

□ Isu Bulanan

□ Laporan Bulanan

TANNGUNGJAWAB KETUA & PENOLONG

□ Kepada AMT & AJK Lajnah

RUJUKAN

Sahsiah Unggul Murid (SUMUR)

Berobjektifkan menjaga
sahsiah pelajar

SUMUR memiliki 4 modul :
Modul Mutadayyin, Penampilan Diri,
Jati Diri dan Modul Budi Bahasa



Badan Dakwah dan Rohani (BADAR)

Berobjektifkan dakwah

Menjadi pelaksana SUMUR, yakni
menjaga sahsiah melalui dakwah



Usrah SAMTTAR

Menjayakan objektif BADAR

Mengukuhkan dakwah melalui usrah



DEFINISI USRAH

Usrah ialah ikatan perpaduan yang dibina atas dasar iman dan Islam dengan berusaha tolong-menolong sesama sendiri untuk menghayati Islam;

- Berusaha mempertingkatkan ilmu dan amal
- Menghindari maksiat dan permusuhan

TUJUAN USRAH

- Menambahkan penghayatan Islam dan melahirkan rasa tanggungjawab terhadap Islam
- Membentuk satu generasi yang benar-benar memahami Islam, beramal dengannya serta bersedia memperjuangkannya
- Meningkatkan dan memantapkan kefahaman tentang ajaran Islam yang syumul

RUKUN-RUKUN USRAH

1. *TAARUF* (Berkenalan)

Berkenalan sesama ahli usrah sehingga masing-masing merasakan bahawa setiap ahli adalah sebahagian daripada dirinya. Berkenalan secara mendalam antara nuqoba dan ahli usrah perlu dilakukan secara berterusan atas kesedaran berkasih sayang semata-mata kerana Allah.

2. *TAFAHUM* (Memahami)

Rukun ini menekankan petingnya memahami dan menghayati Islam yang syumul. Matlamat ini dapat dicapai melalui program-program yang diatur di dalam usrah.

3. *TAKAFULI* (Saling melengkapi)

Rukun yang ketiga ini menjelaskan bahawa usrah bukanlah semata-mata sebagai medan ta'alim, sebaliknya usrah memupuk semangat dan budaya berpasukan di kalangan ahli. Semangat berpasukan ini adalah lanjutan daripada rukun pertama.

Usrah


Amir, Amirah dan Setiausaha

- Ketua, Penolong dan AJK Khas Lajnah Usrah dan Tarbiah BADAR turut ditaklifkan sebagai **Amir (Ketua Naqib)**, **Amirah (Ketua Naqibah)** dan **setiausaha** Usrah SAMTTAR. Mereka bertiga merupakan individu yang sama.

Liqo' Nuqoba

- Liqo' Nuqoba ialah perjumpaan antara para Naqib dan Naqibah Usrah.
- **Objektif :**
 - i) Menyatakan tajuk usrah yang akan dibentangkan kepada anak usrah
 - ii) Mengadakan perbincangan dan perkongsian fikrah berkenaan bahan yang akan dikongsikan kepada anak usrah pada hari Jumaat
- Diadakan pada hari Rabu atau Khamis di Surau Siti Zainah (*bergantung kepada keadaan semasa*)
- Ketua Naqib dan Ketua Naqibah berhak menentukan sama ada ingin mengadakan perjumpaan satu sesi untuk satu usrah atau satu sesi untuk dua kali usrah.

Modul Usrah



	Modul JAIS	Modul KPM
1	• Pada tahun-tahun sebelum ini, Usrah SAMTTAR menggunakan Modul Usrah yang disediakan oleh JAIS • Namun, sebaik saja memasuki tahun 2022, Modul Usrah SAMTTAR akan kembali menggunakan Modul Usrah JAIS	• Bermula 2021, Usrah SAMTTAR dicadangkan untuk mengetengahkan Modul KPM sebagai langkah berfasa dalam mengukuhkan tarbiah
2	• Banyak menekankan bab akidah	• Menekankan bab-bab asas fardu ain
3	• Sesuai digunakan oleh sekolah yang telah kukuh pada sudut tarbiah	• Sesuai digunakan oleh sekolah yang masih berada dalam fasa permulaan tarbiah
4	• Sesuai digunakan sekiranya Nuqoba di sekolah tersebut memiliki kefahaman yang baik terhadap Islam	• Mudah dikongsikan kepada anak usrah kerana mengetengahkan pengisian yang lebih ringan berbanding Modul JAIS

- Lajnah Usrah dan Tarbiah BADAR berhak menyediakan Modul Usrah sendiri dengan **panduan** dan **nasihat** daripada **murabbi Lajnah Usrah dan Tarbiah**.
- Lajnah perlulah mengambil kira tentang pendekatan yang sesuai dengan **biah** SAMTTAR.
- Tetapi, penyediaan modul sendiri agak mencabar, memerlukan kepada banyak rujukan dan sangat memakan masa.
- Oleh itu, Ketua Naqib dan Naqibah dicadangkan agar memilih satu daripada dua Modul Usrah yang tersedia, sama ada Modul Usrah JAIS atau Modul Usrah KPM

Nuqoba

- Nuqoba SAMTTAR ialah dibawah kelolaan Lajnah Usrah dan Tarbiah BADAR.
- Ketua Naqib dan Ketua Naqibah berhak memilih Nuqoba dari kalangan pelajar SAMTTAR, namun atas **nasihat** daripada **Ahli Majlis Tertinggi BADAR**.
- Nuqoba SAMTTAR terdiri daripada pelajar Tingkatan Empat hingga Tingkatan Enam.
- **Kriteria** Nuqoba SAMTTAR :
 - i) Cekap
 - ii) Tekun dan Himmah
 - iii) Memelihara amanah
 - iv) Berilmu
 - v) Menjaga Thiqoh
 - vi) Qudwah dalam dakwah
- **Peranan** Nuqoba :
 - i) Menjadi pemudah cara (fasilitator) yang mencungkil bakat anak usrah dan berkongsi ilmu.
 - ii) Menjadi kaunselor yang bersedia mendengar permasalahan anak usrah dan mencadangkan penyelesaian.
 - iii) Menjadi penghubung antara anggota usrah dengan kepimpinan sekolah.
 - iv) Menjadi rakan seperjuangan kepada anak usrah

- **Cabaran Nuqoba :**
 - i) Kekangan masa
 - ii) Masalah kecelaruan fikrah
 - iii) Sekatan pihak pentadbiran terhadap gerak kerja usrah
 - iv) Pendekatan usrah yang tidak menarik minat mad'u
- Kebiasaannya, kejayaan usrah akan bergantung pada kredibiliti Nuqoba. Ukhwah antara Nuqoba dan anak usrah perlulah teguh walaupun berada di luar waktu usrah.
- Para Nuqoba perlu sentiasa menjaga thiqoh dan kepercayaan dalam membawa panji Islam, kerana mereka merupakan qudwah kepada anak usrah.
- Setiap Nuqoba bertanggungjawab terhadap anak usrahnya. Sekiranya terdapat masalah disiplin dalam kalangan anak usrahnya, Nuqoba ialah antara individu yang akan dirujuk.

Laporan Bulanan dan Laporan Usrah & Tarbiah


• Laporan Lajnah Usrah dan Tarbiah terbahagi kepada dua:

1. Laporan Bulanan
2. Laporan Usrah

Laporan Bulanan	Laporan Usrah
• Berada di bawah organisasi BADAR	• Berada di bawah organisasi Usrah
• Melaporkan aktiviti yang dijalankan oleh Lajnah Usrah dan Tarbiah pada satu bulan	• Terbahagi kepada dua : 1. Laporan Usrah Kelompok : Memaklumkan pergerakan Liqo' Nuqoba dan persediaan Nuqoba bagi mengendalikan usrah 2. Laporan Langsung Usrah Kelompok : Memaklumkan keadaan yang berlaku semasa usrah berlangsung
• Laporan disediakan pada akhir bulan	• Laporan disediakan selepas Usrah berlangsung
• Laporan diserahkan kepada barisan Setiausaha BADAR	• Laporan diserahkan kepada murabbi Lajnah Usrah dan Tarbiah

Isu Bulanan

1. **Isu bulanan** ialah isu yang hendak diketengahkan oleh BADAR SAMTTAR bagi bulan tersebut.
2. **Isi bulanan** pula ialah pengisian yang disediakan berdasarkan isu bulanan.
3. Lajnah bertanggungjawab mencari **isu semasa** pada setiap bulan.
4. Ketua dan Penolong membahagikan tugas pencarian **isi bagi isu** semasa bersama AJK Lajnah Usrah dan Tarbiah yang lain.
5. Menyediakan penjadualan isu semasa untuk setiap bulan secara sistematik.
6. Isu bulanan daripada Lajnah Usrah dan Tarbiah BADAR akan mempengaruhi keseluruhan pergerakan BADAR.
7. **Isi bulanan** perlulah dihantar selewat-lewatnya seminggu sebelum peristiwa ataupun 3 hari sebelum peristiwa. Contohnya seperti peristiwa *Peperangan, Hari Sunat Berpuasa, Sambutan Perayaan, Sambutan Hari Guru* dan yang berkaitan.
8. Ini kerana untuk memberi ruang kepada *Lajnah Penerbitan* untuk menghasilkan poster agar poster seterusnya tidak berlaku pertembungan.
9. Sekiranya Lajnah Usrah dan Tarbiah lambat memberikan isu dan isi bulanan, maka pergerakan lajnah-lajnah yang lain akan terjejas.



Gerak kerja Lajnah Usrah dan Tarbiah untuk **pemakluman awal berkenaan isu bulanan**

←  **AJK LAJNAH BA...**   

1) Keistimewaan bulan Zulhijjah

Al-Bukhari meriwayatkan sebuah hadis daripada Ibnu Abbas R.A, Daripada Nabi SAW, Baginda bersabda:

مَا مِنْ أَيَّامٍ الْعَمَلُ الصَّالِحُ فِيهَا أَحَبُّ إِلَى اللَّهِ مِنْ هَذِهِ الْأَيَّامِ
يَعْنِي أَيَّامَ الْعَشْرِ ، قَالُوا : يَا رَسُولَ اللَّهِ ، وَلَا الْجِهَادُ فِي سَبِيلِ
اللَّهِ ؟ قَالَ : وَلَا الْجِهَادُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ ، إِلَّا رَجُلٌ خَرَجَ بِنَفْسِهِ
وَمَالِهِ ، فَلَمْ يَرْجِعْ مِنْ ذَلِكَ بِشَيْءٍ.

Maksudnya : "Tiada hari-hari yang amalan soleh yang paling disukai oleh Allah untuk dilakukan melainkan hari-hari ini-baginda memasukkan: 10 hari terawal Zulhijjah-."Para sahabat bertanya, "Wahai Rasulullah, Walaupun jihad di jalan Allah tidak dapat menandinginya?"Baginda bersabda,"Walaupun jihad di jalan Allah tidak dapat menandinginya, melainkan seorang lelaki yang keluar berjihad bersama hartanya, kemudian dia langsung tidak kembali."

Riwayat al-Bukhari (969),Abu Daud (2438),Ibn Majah (1727),al-Tirmizi (757)

←  **AJK LAJNAH BA...**   

2) Qurban sebagai Ibadah Sosial

1- qurban dalam konteks ajaran Islam merujuk kepada perlakuan menyembelih binatang tertentu pada Hari Raya Aidiladha atau hari tasyriq dengan tujuan untuk mendampirkan diri kepada Allah S.W.T.

2- Ibadah ini adalah sempena mengingati peristiwa pengorbanan Nabi Ibrahim a.s. dan anaknya

3- فَضِّلْ لِرَبِّكَ وَالْخَزْرَ
Maksud: Maka laksanakanlah solat kerana Tuhanmu dan berkorbanlah (sebagai ibadah yang mendekatkan diri kepada Allah)
(Al-Kauthar ayat 2)

4- Daging haiwan korban dibagi tiga, 1/3 untuk dimakan oleh yang berkorban, 1/3 disedekahkan, dan 1/3 bagian dihadiahkan kepada orang lain

5- Ibadah atau Ibadat dari sudut makna (bahasa) adalah merendahkan diri, tunduk, patuh, taat, menghina diri dan memperhambakan diri kepada sesuatu.

6- ibadah merupakan sebutan yang mencakup semua yang dicintai dan diredhai Allah berupa perkataan dan perbuatan, baik zahir maupun batin.

Gerak kerja Lajnah Usrah dan Tarbiyah untuk **makluman berkenaan isu dan isi bulanan**

AJK LAJNAH BADAR 2021

Penolong Lajnah Dokumentasi BADAR 2020

TASK BADAR

Bilangan: 12
Tarikh: 26 /4/2020

Daripada: Biro Dokumentasi
Kepada: **Biro Usrah dan Tarbiyyah**

Tajuk: -
Platform: igtv @badarsamttar

Tugasan:

Tolong sediakan tajuk berkaitan Ramadan untuk igtv2 berikut

1. Us zam & us suzila (1 tajuk)
2. Luqman fadil & taqiuddin (1 tajuk)

Deadline: **sebelum** 5 petang hari ni **26/4/2020**


Hantar ke:
Group WS AJK Biro BADAR

Ketua Lajnah UT BADAR 2020
Kami hanya beri tajuk sahaja kan?


Penolong Lajnah Dokumentasi BADAR 2020
Ye, tajuk sahaja

Ketua Lajnah UT BADAR 2020
Untuk ustaz zam zam & us suzila
- Kegembiraan orang yang berpuasa
Untuk luqman fadhil dan taqiuddin
-Liku liku anak muda dalam menempuhi bulan ramadhan

Tugasan yang diberikan kepada Lajnah Usrah dan Tarbiah untuk **menyediakan pengisian dakwah**



Gerak kerja Lajnah Usrah dan Tarbiyah untuk **makluman berkenaan kelewatan menyediakan isi dan isu bulanan**



Gerak kerja Lajnah Usrah dan Tarbiyah dalam **menjawab kemusykilan daripada AJK Lajnah berkenaan isu dan isi bulanan yang disediakan**

SKOP TUGASAN KETUA LAJNAH USRAH DAN TARBIAH

	Usrah	Tarbiah
1	• Merupakan Ketua Naqib bagi Usrah SAMTTAR	• Memaklumkan tentang masalah dan konflik yang berlaku dalam kalangan Ikhwah SAMTTAR kepada Presiden BADAR
2	• Menjadi pengganti atau melantik pengganti sekiranya didapati terdapat naqib yang tidak hadir ketika berlangsungnya usrah.	• Membantu Presiden BADAR dalam hal ehwal tarbiah dalam kalangan pelajar Ikhwah

SKOP TUGASAN PENOLONG LAJNAH USRAH DAN TARBIAH

	Usrah	Tarbiah
1	• Merupakan Ketua Naqibah bagi Usrah SAMTTAR	• Memaklumkan tentang masalah dan konflik yang berlaku dalam kalangan Akhawat SAMTTAR kepada Timbalan Presiden BADAR
2	• Menjadi pengganti atau melantik pengganti sekiranya didapati terdapat naqibah yang tidak hadir ketika berlangsungnya usrah.	• Membantu Timbalan Presiden BADAR dalam hal ehwal tarbiah dalam kalangan pelajar Akhawat

SKOP TUGASAN BERSAMA

	Usrah	Tarbiah
1	Melantik barisan Naqib dan Naqibah bagi Usrah SAMTTAR, berpandukan nasihat dan persetujuan daripada murabbi Lajnah	Memaklumkan tentang masalah dan konflik yang berlaku dalam kalangan warga SAMTTAR kepada Presiden dan Timbalan Presiden BADAR
2	- Mengadakan rondaan bagi setiap kelas setiap kali usrah berlangsung - Rondaan dijalankan dengan kerjasama daripada AMT BADAR SAMTTAR - Memastikan kehadiran pelajar semasa usrah beri tindakan susulan	Membantu Presiden dan Timbalan Presiden BADAR dalam hal ehwal tarbiah di sekolah
3	Menjadi pengganti atau melantik pengganti sekiranya didapati terdapat nuqaba yang tidak hadir ketika berlangsungnya usrah	Menyediakan isu bulanan BADAR SAMTTAR
4	Membuat laporan usrah sama ada Laporan Usrah atau Laporan Usrah Kelompok	- Menyediakan isi bagi isu bulanan BADAR SAMTTAR - Penyediaan isi mesti merangkumi : - Penggunaan bahasa Melayu yang betul - Berpandukan sumber yang sahih - Ketua dan Penolong Lajnah boleh membahagikan tugas mencari isi kepada AJK mereka
5	Bertanggungjawab dalam pengurusan usrah dalam kalangan pelajar	Mentarbiah warga sekolah melalui tazkirah sama ada dalam ceramah atau risalah-risalah yang dikeluarkan
6	Menguruskan Liqo' atau perjumpaan dengan Ahli Majlis Nuqoba	Bersedia sebagai bantuan sokongan bagi Lajnah yang memerlukan pengisian daripada Lajnah Usrah dan Tarbiah

7	• Mengumpulkan semua laporan setiap usrah dan penilaian Naqib	• -
---	---	-----

GERAK KERJA (USRAH)

† Prosedur Usrah :

• Usrah

1. Usrah dilakukan mengikut Takwim Usrah yang telah disediakan.
2. Membuat Ligo' Nuqoba mengikut waktu yang sesuai.
 - Sehari sebelum usrah ataupun sebulan sekali
3. Usrah dilakukan pada setiap pagi Jumaat yang akan dipimpin oleh Naqib dan Naqibah di kelas yang telah ditetapkan.
 - Usrah akan bermula pada jam 7.30 pagi sehingga 8.00 pagi.
4. Usrah akan dipantau oleh Ketua Nuqoba dan Penolong Ketua Nuqoba
5. Laporan Usrah daripada Nuqoba akan dikumpul dan disemak oleh murabbi Lajnah Usrah dan Tarbiah, Ketua Nuqoba, Penolong Ketua Nuqoba.
6. Laporan akan disimpan di dalam Fail Usrah.

• **LAPORAN USRAH**

1. Laporan Usrah mestilah merangkumi perkara berikut :

- i. Tarikh
- ii. Masa
- iii. Tempat
- iv. Penglibatan
- v. Huraian
- vi. Masalah
- vii. Cadangan Penambahbaikan
- viii. Lampiran (Sekiranya ada)
- ix. Disediakan oleh (***Gunakan jawatan mengikut organisasi usrah***: Ketua Nuqoba/Penolong Ketua Nuqoba)

GERAK KERJA (TARBIAH)

† Prosedur Tarbiah:

• Isu Bulanan

1. Pencarian isu bulanan dibuat pada setiap bulan.
 - ★ Isu bulanan perlulah dimulai dengan isu yang ringkas kemudian isu semasa atau isu global (*sila rujuk semula contoh isu bulanan yang telah dipaparkan*)
2. Membahagikan tugas dalam pencarian isi bagi isu semasa bersama AJK Lajnah Usrah dan Tarbiah.
3. Isu bulanan adalah merangkumi satu bulan tersebut.
4. Kenalpasti isu semasa melalui *Laman Sosial* yang sedang berlaku pada bulan tersebut untuk dijadikam isi dalam poster.
5. Menyediakan penjadualan topik isu semasa untuk setiap bulan.
 - ★ Penjadualan topik isu semasa perlulah dilaksanakan agar hebahan berkaitan tarbiah berjalan dengan lancar dan tersusun.

• **LAPORAN BULANAN**

1. Laporan Bulanan mestilah merangkumi perkara berikut :
 - i. Platform | Hebahan
 - ii. Laporan Ringkas
 - iii. Penglibatan
 - iv. Masalah
 - v. Cadangan Penambahbaikan
 - vi. Lampiran (jika ada)
 - vii. Disediakan oleh
(gunakan **jawatan mengikut organisasi BADAR**: Ketua Lajnah Usrah dan Tarbiah/Penolong Ketua Lajnah Usrah dan Tarbiah AJK Khas Lajnah Usrah dan Tarbiah)
2. Serahkan laporan yang telah disiapkan kepada barisan Setiausaha BADAR untuk semakan.

TANGGUNGJAWAB KEPADA AMT DAN LAJNAH LAIN

★ **Barisan Setiausaha BADAR**

1. Menyediakan Laporan Bulanan Lajnah Usrah dan Tarbiah BADAR.
2. Menyerahkannya kepada barisan Setiausaha BADAR SAMTTAR.

★ **Lajnah Penerbitan**

1. Menyediakan isu bulanan.
2. Memberikan maklumat lengkap berkaitan isi bagi isu bulanan.
3. Bahan yang disediakan mestilah disertakan dengan penggunaan ayat dan ejaan yang betul kepada Lajnah Penerbitan.

★ **Lajnah Dokumentasi**

1. Menasihati Lajnah Dokumentasi dalam menyediakan bahan gambar dan video.
2. Menapis bahan stok gambar dan video yang disediakan. Gambar haruslah menjaga aurat, menjaga kemuliaan dan bebas daripada berkeadaan fitnah.


★ **Lajnah Aktiviti dan Dakwah**

1. Memaklumkan kepada Lajnah Aktiviti dan Dakwah sekiranya memerlukan dana BADAR untuk pergerakan Lajnah Usrah dan Tarbiah
2. Memohon dana daripada Lajnah Aktiviti dan Dakwah untuk bayaran penceramah.

RUJUKAN

• **Usrah**

1. Setiap Liko' Nuqoba yang akan diadakan perlulah mendapatkan kelulusan daripada murabbi Lajnah Usrah Dan Tarbiah.
2. Seterusnya, Ahli Majlis Tertinggi Nuqoba akan melakukan perbincangan berkenaan Liko' Nuqoba dan perjalanan Usrah.
3. Setiap yang diperbincangkan oleh Ahli Majlis Tertinggi Nuqoba berkenaan perjalanan Usrah akan dimaklumkan kepada Nuqoba ketika Liko' diadakan.



Chain of Order antara Lajnah BADAR SAMTTAR :

Lajnah Usrah dan Tarbiah → Lajnah Aktiviti dan Dakwah → Lajnah Penerbitan
→ Lajnah Dokumentasi → Lajnah Ekonomi

Gerak Kerja BADAR SAMTTAR adalah bergantung pada Lajnah Usrah dan Tarbiah